



### Majlis Gemilang Putra Iktiraf Staf UPM



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kiri) menyampaikan Anugerah Fellowship Naib Canselor kepada Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan (kanan).*

**SERDANG, 20 Oktober** - Universiti Putra Malaysia (UPM) mengiktiraf staf cemerlang melalui Majlis Gemilang Putra 2009 yang telah diadakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah semalam.

Anugerah itu merupakan pengiktirafan dan penghargaan kepada staf UPM dalam aktiviti berkaitan pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional serta sokongan.

Empat penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor ialah Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan (Fakulti Pengajian Pendidikan) bagi Kategori Cemerlang dalam Pengajaran, Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman (Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul) bagi Kategori Cemerlang dalam Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd. Ghani (Fakulti Perhutanan) dan Nani Menon (Fakulti Ekologi Manusia) bagi Kategori dalam Perkhidmatan Profesional.



Kesemua penerima anugerah menerima geran bernilai RM10,000, sebuah trofi dan sijil pengiktirafan daripada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Pada majlis kali ini, seramai empat orang staf menerima anugerah Fellowship Naib Canselor, 15 penerima anugerah Jasamu Dikenang, 34 orang anugerah Jasa Putra, 31 anugerah Setia Putra, 460 anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 105 anugerah Bakti Putra.

Majlis ini dahulunya dikenali sebagai Anugerah Fellowship Naib Canselor, Jasa Putra, Setia Putra dan Perkhidmatan Cemerlang yang diperkenalkan pada tahun 2002 tetapi telah

digabungkan menjadi satu nama iaitu Majlis Gemilang Putra bermula tahun 2006 hingga sekarang.

Majlis disempurnakan dengan pelancaran Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) dan jamuan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali yang diserikan dengan persembahan nyanyian oleh Jay Jay.



*Timbalan Naib Canselor UPM (Akademik dan Antarabangsa), Prof.Datin Paduka Dr.Aini Ideris (kanan) menyampaikan sumbangan kepada ibu tunggal sempena Sambutan Hari Raya dan Deepavali di UPM*

Turut berlangsung penyampaian sumbangan kepada 37 ibu tunggal, 40 anak yatim piatu, dan dua sumbangan Khas Permata kepada anak Orang Kurang Upaya (OKU) dan pesakit kanser otak.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**